

Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

Inovasi digital dalam pengajaran & pembelajaran program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)

*[Digital innovation in teaching & learning Tahfiz programme at Universiti
Tenaga Nasional (UNITEN)]*

Siti Salma Mohamad Shokri *, Syafawati Salihan, & Muhammad Hafizan Abd Hamid

Unit Tahfiz, Pusat Islam UNITEN, Universiti Tenaga Nasional, Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Siti Salma Mohamad Shokri. Unit Tahfiz, Pusat Islam UNITEN, Universiti Tenaga Nasional, 43000, Malaysia, e-Mail: salma@uniten.edu.my. Telp.: 018-2620253.

Keywords:

*Digital Innovation, Teaching
and Learning, Tahfiz,
Blended Learning, UNITEN*

ABSTRACT

The encouragement proposed by university to implement blended learning (BL) flipped learning and problem-based learning (PBL) methods in teaching and learning program (PdP) drives Tahfiz Program at UNITEN to implement those methods in teaching Tahfiz subjects. This study was conducted to look at the implementation of BL in general at UNITEN as well as the application of digital innovation enhancement in teaching and learning specifically for Tahfiz Program at UNITEN. This study is a qualitative study that employs observation and document analysis methods related to the implementation of digital technology in selected subjects under Tahfiz Program. There are four BL applications implemented in UNITEN, namely Technology-Aided Learning, Enhanced Learning, Flipped Teaching and Learning and Adaptive Learning. The results of the analysis found that there are four forms of digital innovation applied in Tahfiz program. The four items are; uploading course materials in Moodle, audio-visuals materials from various sources such as PowToon, Panopto and YouTube, continuous assessment on Moodle platform and online activities using various mediums such as Kahoot, Padlet, Coggle, Mentimeters and Plickers. This effort can shape the PdP of tahfiz studies to be more effective, interesting and in line with current developments and learning needs, as well as shaping an outstanding generation.

Kata Kunci:

*Inovasi Digital, Pengajaran
dan Pembelajaran, Tahfiz,
Blended Learning, UNITEN*

ABSTRAK

*Galakan universiti melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) melalui metode *blended learning* (BL), *flipped teaching* dan *problem-based learning* (PBL) memacu program tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) untuk menerapkannya di dalam pengendalian kelas-kelas subjek. Kajian ini dibuat bagi melihat pelaksanaan BL secara umum di UNITEN serta menilai tahap aplikasi inovasi digital dalam pengajaran dan pembelajaran khusus bagi Program Tahfiz di UNITEN. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pemerhatian dan analisa dokumen berkaitan pelaksanaan teknologi digital dalam subjek-subjek terpilih di bawah Program Huffaz Profesional. Terdapat empat (4) tahap aplikasi BL yang dilaksanakan di UNITEN iaitu *Technology-Aided Learning*, *Enhanced Learning*, *Flipped Teaching and Learning* dan *Adaptive Learning*. Hasil*

analisa mendapati bahawa terdapat empat (4) bentuk inovasi digital yang diaplikasikan dalam program Tahfiz UNITEN. Empat (4) perkara tersebut adalah memuatnaik bahan kursus di *Moodle*, penggunaan *audio-visual* dari sumber yang pelbagai seperti *PowToon*, *Panopto* dan *YouTube*, penilaian berterusan yang dibuat menggunakan platform *Moodle* dan aktiviti-aktiviti atas talian menggunakan medium yang pelbagai seperti *Kahoot*, *Padlet*, *Coggle*, *Mentimeter* dan *Plickers*. Usaha ini dapat membentuk PdP pengajian tahfiz menjadi lebih efektif, menarik dan sesuai dengan perkembangan dan kehendak pembelajaran semasa, serta menyumbang kepada pembentukan generasi yang berkualiti.

Received: November 17, 2020


Accepted: April 14, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pengenalan

Pengajian Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) merupakan program bersepadu di antara aliran profesional dan tahfiz al-Quran. Bermula dengan program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-UNITEN yang dijalankan pada 2012 dengan kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), program ini diperluaskan bukan hanya dalam bidang kejuruteraan, sains komputer dan perakaunan, namun UNITEN juga menawarkan program tahfiz dengan pengurusan iaitu *Diploma Corporate Management Tahfiz* (DCMT) (Abd. Hamid & Ishak, 2019). Pada tahun 2012, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan panduan “Kreatif dan Inovasi: Elemen Merentas Kurikulum KSSR” seiring dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2010 yang memberi penekanan untuk membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan negara di abad ke-21. Pelaksanaan elemen ini dapat memangkin agenda transformasi negara dalam konteks pendidikan tidak kira di peringkat sekolah atau di peringkat universiti. Menurut Hussin, Siraj, Darusalam & Mohd Salleh (2015) melalui perkembangan teknologi yang berkembang pesat sekarang mengharuskan adanya inovasi dan transformasi dalam pembelajaran. *Blended learning* (BL), merupakan salah satu daripada inovasi tersebut. Ahmad Hilmi, Zakaria & Spawi (2017) menyatakan gabungan teknik tradisional dan kelas maya contohnya digunakan dalam banyak sesi pembelajaran di pelbagai peringkat pengajian, dari peringkat sekolah sehinggalah ke universiti.

Blended Learning (BL) merujuk kepada “program pendidikan yang menggabungkan media digital dalam talian dengan kaedah pembelajaran tradisional”. Universiti Kebangsaan Malaysia (2016) menerangkan di dalam laman sesawangnya bahawa pembelajaran teradun (*blended learning*) adalah amalan pengajaran yang menggabungkan mod pengajaran bersemuka secara tradisional dengan mod teknologi atas talian berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Tambah Laborda (2014) pendekatan BL ini sesuai dengan pembelajaran berpusatkan pelajar iaitu pelajar boleh mengawal kadar pembelajaran di samping mengendalikan pembelajaran melalui media digital dalam talian. Ia juga bagi memaksimumkan keberkesanan sesi pembelajaran di dalam dan luar kelas. Di antara matlamat BL yang disebut oleh Salleh & Abdul Manaf (2017) ini adalah mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran iaitu menggabungkan kaedah tradisional dengan kaedah dalam talian menggunakan alat seperti sistem pengurusan pembelajaran atau dikenali sebagai *learning management system* (LMS), tanpa pengurangan yang signifikan kepada masa yang diberikan secara bersemuka di dalam kelas. Rajah 1 di bawah adalah merujuk kepada panduan pelaksanaan BL daripada TLC UNITEN (2017) di mana BL menggabungkan di antara mod pengajaran secara bersemuka dan mod di atas talian.



Rajah 1: *Blended Learning Guidelines* UNITEN 2017


Konsep *blended learning* ini adalah percampuran model pembelajaran konvensional dengan belajar secara atas talian melalui penggunaan teknologi pendidikan semasa. Di sini pensyarah dianggap sebagai mediator atau fasilitator yang membuat situasi belajar lebih aktif dan kondusif. Arshad, Mohamad Shokri & Salihan (2019) menerangkan bahawa pengajaran dan pembelajaran (PdP) tahfiz di UNITEN juga melalui proses integrasi di antara pengajian tahfiz tradisional dan kontemporari. Ini kerana penggunaan teknologi terkini dalam PdP dapat memberi impak yang positif terhadap sistem pendidikan dan proses pembelajaran). Kajian ini menumpukan kepada pelaksanaan metode *blended learning* dalam subjek-subjek yang terpilih yang ditawarkan dalam program tahfiz UNITEN yang melibatkan subjek-subjek pengajian Islam. Menurut Salleh & Embong (2017), di dalam pendidikan, adalah mustahak untuk mewujudkan semula sistem pendidikan Islam tunggal yang akan dapat melahirkan keperibadian yang bersepadu dan holistik dengan akhlak dan intelektual yang kuat pada masa akan datang. Justeru, perubahan di dalam PdP tahfiz perlu berlaku mengikut perkembangan teknologi terkini dalam memastikan pelajar keluaran program tahfiz turut maju dan berdaya saing.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode pemerhatian dan analisis dokumen (Jazmi, 2012). Bahan-bahan kajian diperolehi daripada pemerhatian terhadap pelaksanaan PdP bagi subjek-subjek terpilih dalam pengajian Tahfiz di UNITEN yang menggunakan teknologi digital. Di samping itu, penelitian juga dibuat terhadap bahan yang diperolehi daripada buletin yang dikeluarkan oleh pihak TLC UNITEN, serta bahan-bahan daripada kursus-kursus yang pernah dianjurkan oleh pihak TLC, di mana bahan-bahan tersebut menyentuh tentang kaedah penggunaan teknologi digital dalam pengajaran *Blended Learning*. Beberapa laman sesawang yang berkaitan dengan penggunaan teknologi digital ini juga menjadi rujukan data bagi penulisan ini di samping melihat data daripada dapatan *teaching evaluation* setiap semester mengenai respon positif daripada para pelajar.

3. Pelaksanaan *Blended Learning* di UNITEN

Usaha ini digerakkan dengan beberapa inisiatif di bawah kelolaan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran UNITEN (*Teaching and Learning Centre, TLC*), dengan tumpuan yang diberikan kepada tiga elemen utama iaitu *blended learning*, *problem-based learning* (PBL) dan *flipped classroom teaching*. Pensyarah diberikan pendedahan melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh TLC UNITEN dalam memastikan tenaga pengajar di UNITEN sentiasa didedahkan dengan teknik PdP yang terkini. Pelaksanaan metode *blended learning* ini juga sentiasa dipantau oleh TLC melalui portal rasmi UNITEN. Pada tahun 2016, sekumpulan 39 pensyarah dari kolej yang berbeza dilantik sebagai sebahagian daripada pasukan ejen BL untuk dilatih dan meneroka metode pengendalian BL (*Blended Learning Handbook for UNITEN's Lecturer*, 2020). Terdapat empat tahap pelaksanaan BL di UNITEN iaitu *Technology-Aided Learning*, *Enhanced Learning*, *Flipped Teaching & Learning* dan *Adaptive Learning*.



Rajah 2: Empat Tahap Pelaksanaan BL di UNITEN

3.1 Tahap 1 BL: Technology-Aided Learning

Secara umumnya, kebanyakan pensyarah di UNITEN berada pada pada tahap satu (1) BL dengan menggunakan platform *Learning Management System* (LMS) yang disediakan oleh pihak universiti melalui penggunaan *Moodle*. *Moodle* adalah satu platform pengurusan pembelajaran yang direka untuk menyediakan pendidik, pentadbir dan pelajar dengan satu sistem yang kuat, selamat dan bersepadu (Shaharom, 2013). Melalui Buletin TLC yang dikeluarkan secara berkala daripada TLC (2019), pihak UNITEN mengambil inisiatif untuk menjadikan *Moodle* sebagai platform rasmi bagi kemudahan pengurusan pembelajaran kepada pensyarah dan juga pelajar UNITEN. Perkara paling asas yang perlu dilakukan oleh pensyarah adalah dengan memuatnaik semua bahan mengajar di *Moodle*.

3.2 Tahap 2 BL: Enhanced Learning

Pensyarah akan berpindah ke tahap dua (2) BL berdasarkan peningkatan pengalaman pengajaran dan pembelajaran menggunakan *Moodle*. Pada tahap ini pula, melalui Buletin TLC (2017), pensyarah sudah boleh melakukan pelbagai aktiviti seperti forum dan kuiz atas talian dan menghantar tugas di platform *Moodle* tanpa perlu mengurangkan pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas yang telah dijadualkan secara rasmi di portal rasmi universiti.

3.3 Tahap 3 BL: Flipped Teaching and Learning

Flipped Teaching and Learning merujuk kepada aktiviti pembelajaran, di mana para pelajar perlu melakukan tugas terlebih dahulu sebelum pensyarah menerangkan topik pembelajaran tersebut (*Blended Learning Handbook for UNITEN's Lecturer*, 2020). Bermula Semester 2, Tahun Akademik 2019/2020, ejen BL yang dilantik dikehendaki memasukkan bahan kursus mereka sebagai contoh bahan pengajaran tahap tiga (3) BL kepada pensyarah lain. Peranan mereka berubah dari seorang 'pensyarah' kepada 'fasilitator', 'jurulatih' atau 'mentor'. Selepas itu, ejen BL perlu menyediakan laporan pelaksanaan BL di dalam kursus pada setiap akhir semester dengan membentangkan pelaksanaan aktiviti BL mereka di dalam kelas, meliputi tahap BL terkini, teknik dan alat teknologi BL yang digunakan serta prestasi kelas pada sesi perjumpaan agen BL dengan TLC UNITEN. Perkembangan ini sering dilaporkan di dalam Buletin TLC (2019).

3.4 Tahap 4 BL: Adaptive Learning

Pembelajaran adaptif ialah pembelajaran tahap yang lebih tinggi berbanding dengan tahap BL yang lain (*Blended Learning Handbook for UNITEN's Lecturer*, 2020). Pada peringkat ini pensyarah boleh mengaplikasikan teknik-teknik pengajaran berdasarkan kepada tahap prestasi setiap pelajar yang berada di bawah pensyarah tersebut. TLC UNITEN (2017) masih lagi dalam proses melatih para pensyarah untuk mencapai tahap empat (4) BL.

4. Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz

PdP Tahfiz di UNITEN merupakan kurikulum bersepadu yang digabungkan di antara elemen Tahfiz al-Quran dengan bidang profesional. Justeru, pelaksanaan PdP tahfiz disesuaikan menerusi beberapa inisiatif, antaranya penyelarasan jadual, penyusunan program berorientasikan tahfiz serta pemantauan aktiviti dan penglibatan pelajar beserta dengan program berorientasikan konstruk pembangunan al-Quran untuk kesemua pelajar tahfiz sama ada di kampus Putrajaya atau di Muadzam Shah, Pahang. Program tahfiz ini diuruskan oleh beberapa orang pensyarah tahfiz yang dikenali sebagai Unit Tahfiz di bawah pantauan Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial (CES) dan Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) (Mokhtar, 2020).

4.1 *Penyelarasan Jadual*

Antara faktor utama sistem pembelajaran ini dapat berjalan dengan baik ialah penyusunan jadual. Pihak Pendaftar akan membina satu seksyen khas bagi semua subjek yang diambil oleh para pelajar dan diletakkan waktu bagi subjek lain selepas jam 11.00 pagi. Hal ini kerana semua pelajar Tahfiz diwajibkan untuk menghadiri kelas al-Quran pada sebelah pagi pada jam 8.00 – 11.00 pagi. Penyusunan jadual ini khusus kepada pelajar tahfiz sama ada di peringkat asasi, diploma ataupun ijazah.

4.2 *Penyusunan Program Berorientasikan Tahfiz*

Dalam usaha untuk memastikan keseimbangan dan kecemerlangan pelajar, beberapa pendekatan melalui program berorientasikan tahfiz telah dirangka dan dilaksanakan. Antaranya, Kem Huffaz Profesional, Daurah al-Quran, *halaqah murāja'ah* pelajar, mentor-menti al-Quran, kelas *tasmī'* tambahan, *Qur'ān Intensive Week* serta beberapa program lain. Program ini disusun mengikut kesesuaian dan kehendak para pelajar.

4.3 *Pemantauan Aktiviti dan Penglibatan Pelajar*

Pemantauan pelajar merangkumi kebajikan, penginapan, kewangan dan kaunseling. Pelajar tahfiz diberi galakan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti khususnya yang dapat meningkatkan potensi diri sebagai seorang huffaz. Contohnya pertandingan Tilawah dan Hafazan al-Quran di peringkat universiti, daerah, negeri dan kebangsaan serta kem kepimpinan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Gambar 1: Muhammad Imran bin Zulzamrin, pelajar Tahfiz UNITEN yang berjaya mendapat Naib Johan Kategori Juzuk 1 sehingga 30 dalam Musabaqah Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran, peringkat Negeri Selangor, 2018

4.4 *Elemen Dalam Pengajaran al-Quran*

Kurikulum tahfiz UNITEN dibina dengan penekanan diberikan kepada tiga elemen utama iaitu bacaan al-Quran, hafazan al-Quran dan kefahaman al-Quran. Ini bertepatan dengan pendapat Abd. Rahim (2008) bahawa proses pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran merangkumi *talaqqī*, *i'ādah*, pengujian mingguan, penulisan ayat, pemahaman ayat dan kemahiran penggunaan bahan bantuan mengajar.

5. Inovasi Digital Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz

Menurut Hashim (2012), inovasi bermaksud idea, amalan atau bahan yang boleh membawa pembaharuan kepada seseorang individu atau sistem sosial. Inovasi menurut Yayasan Inovasi Malaysia (2010), ditakrifkan sebagai pengaplikasian kreativiti. Inovasi adalah mempratikkan idea yang dihasilkan. Kreativiti merupakan proses berfikir manakala inovasi pula adalah proses produktif. Inovasi menambah nilai kepada idea yang dihasilkan.


Galakan universiti melaksanakan PdP melalui metode BL, *flipped teaching* dan PBL memacu program tahfiz di UNITEN untuk menerapkannya di dalam pengendalian kelas-kelas subjek. Di antara subjek-subjek yang terdapat di dalam program tahfiz yang telah melaksanakan metode BL adalah *Tajwid, Mustolah Hadith, Usul Fiqh, Aqidah Islamiyyah, Qawaid Fiqhiyyah, Fiqh Muamalat* dan *Tafsir Ayat Ahkam*. Pada setiap semester, pensyarah dikehendaki melabelkan tahap pelaksanaan BL sama ada di tahap 1, tahap 2, tahap 3 atau tahap 4 pada subjek yang diajar pada semester tersebut di portal. Arahan ini telah dikeluarkan oleh Pekeliling Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (2019) kepada semua pensyarah di UNITEN. Ini bagi memudahkan pihak TLC untuk memantau tahap pencapaian pelaksanaan BL pensyarah tersebut melalui *teaching evaluation* pada setiap semester.

Di antara tujuan inovasi digital di dalam pembelajaran adalah untuk meningkatkan kualiti belajar dan bahan mengajar dan menjadikan PdP lebih menarik dan berinteraktif. Hussin, Mahad Musa, Abdullah, Alias, Hashim & Yusof (2018) menambah bahawa ia juga mampu meningkatkan minat dan kefahaman pelajar khususnya generasi baru yang telah sedia terdedah kepada teknologi maklumat untuk berinteraksi. Arshad et.al., (2019) menyatakan di antara inisiatif yang dikemukakan melalui BL yang dipraktikkan di UNITEN adalah dengan menggunakan LMS iaitu perisian *Moodle*. Berikut adalah beberapa aktiviti yang diaplikasikan menerusi *Moodle*:

- a. Memuatnaik Bahan Kursus
- b. *Audio-visual*
- c. Penilaian berterusan
- d. Aktiviti atas talian (online)

5.1 Memuatnaik Bahan Kursus

Setiap semester, para pensyarah akan mengemaskini maklumat berkaitan kursus melalui *Moodle*. Pelajar boleh mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan kursus yang diambil sama ada panduan kursus, nota, slaid pengajaran, jurnal, peta minda serta bahan-bahan berkaitan di platform *Moodle* (Arshad et.al., 2019). Rajah 3 menunjukkan halaman *Moodle* salah satu daripada subjek DCMT.




Rajah 3: Memuatnaik Bahan Kursus di *Moodle*

5.2 Audio-Visual

Melalui *Moodle*, pensyarah boleh memuatnaik video rakaman pensyarah atau tenaga pengajar berpengalaman yang lain menggunakan *Panopto, Powtoon* dan *Youtube* untuk tontonan pelajar sebagai aktiviti luar kelas. Selain itu, pelajar juga dikehendaki memuatnaik rakaman suara atau video sebagai tugas untuk dinilai.

a. *Panopto* adalah alat yang memudahkan pensyarah menghasilkan rakaman video kuliah atau pembentangan dan memuat naik video tersebut ke platform *Moodle*. Secara ringkasnya, *Panopto* adalah platform untuk *streaming* atau rakaman pengajaran video serta untuk digunakan bersama dengan persembahan slaid dalam talian atau sumber lain (www.m.atmajaya.ac.id, 2020). Rakaman video menggunakan *Panopto* ini boleh dijadikan sebagai salah satu dari usaha pensyarah untuk melaksanakan metode pengajaran secara *flipped teaching* di mana ia merupakan tahap ketiga pelaksanaan BL. UNITEN telah melanggan aplikasi *Panopto* untuk kemudahan pensyarah merakam video kuliah mereka untuk dikongsikan bersama dengan pelajar sama ada sebelum, atau semasa kelas berlangsung. Rajah 4 pula adalah halaman *Panopto* UNITEN.



Rajah 4: Memuatnaik Bahan Kursus di *Panopto*


b. Salah satu media penggunaan perisian komputer yang dapat membuat dan menyampaikan maklumat PdP secara kreatif dan inovatif adalah dengan menggunakan perisian *Powtoon*. *Powtoon* adalah perkhidmatan dalam talian untuk membuat pembentangan bahan mengajar yang mempunyai ciri animasi yang sangat menarik termasuk animasi tulisan tangan, animasi kartun, dan kesan peralihan yang meriah serta tetapan garis masa yang sangat mudah. *Powtoon* masih dianggap asing oleh sesetengah orang, kerana aplikasi ini masih cukup baru di kalangan masyarakat. Jatingtias (2017) menyatakan populariti *Powtoon* dapat menghasilkan animasi filem yang menakjubkan berbanding dengan video biasa di mana *Powtoon* jauh lebih cekap dan berkesan dalam menghidupkan bahan video Pensyarah boleh menggunakan *Powtoon* sebagai salah satu bahan mengajar selain daripada penggunaan *Power Point*. Pensyarah juga boleh mempelbagaikan tugas di dalam kelas dengan memberi tugas kepada pelajar secara berkumpulan untuk menghasilkan video melalui *Powtoon*. Ini juga akan menjadikan pelajar lebih kreatif dan berinovasi dalam menghasilkan video animasi yang bersumberkan topik yang dipilih bagi subjek tertentu. Rajah 5 di bawah menunjukkan gambar penggunaan aplikasi *Powtoon* daripada subjek *Usul Fiqh* yang dipelajari oleh pelajar DCMT UNITEN.



Rajah 5: Audio-Visual menggunakan *Powtoon*

c. Selain *Panopto* dan *Powtoon*, pensyarah dan pelajar boleh menggunakan kemudahan *YouTube* untuk menyampaikan bahan mengajar atau melaksanakan tugas yang diberikan di dalam kelas. Video-video dari *YouTube* juga boleh dijadikan salah satu dari bahan mengajar dan ia juga boleh dimuatnaik di *Moodle* untuk rujukan tambahan pelajar. Menurut Mohd. Yusof & Tahir (2017) kewujudan media elektronik seperti *YouTube* telah merencanakan lagi perubahan teknologi pendidikan di kalangan pelajar dan warga pendidik dalam


menggunakan aplikasi ini. Di samping itu, *YouTube* boleh menjadi satu alat pendidikan yang berpengaruh di kalangan pelajar dan pensyarah dan ia bergantung kepada cara penggunaannya. Rajah 5 adalah contoh penggunaan video *YouTube* yang dimuatnaik di halaman *Moodle*, subjek *Qawaid Fiqhiyyah* yang diambil oleh pelajar tahfiz DCMT.



Rajah 6: Audio-Visual menggunakan Youtube

5.3 Penilaian Berterusan

Penilaian berterusan dapat dilaksanakan menggunakan instrumen seperti kuiz, tugasan individu atau berkumpulan, ujian melalui platform *Moodle*. Pensyarah boleh memuatnaik soalan-soalan berbentuk objektif (*multiple choice*), subjektif (*essay, short answer*), padankan (*matching*), betul atau salah (*true or false*) dan pelbagai lagi pilihan bentuk soalan boleh ditetapkan melalui *Moodle*. Semua tugasan sama ada secara berkumpulan atau individu juga boleh dimuatnaik di platform ini. Pensyarah boleh memeriksa tugasan pelajar dan terus memberikan markah melalui platform yang sama. Penilaian berterusan ini tidak perlu dilakukan secara bersemuka dan dapat menjimatkan masa pensyarah dan pelajar di samping tidak mengganggu waktu kelas sedia ada. Pelaksanaan penilaian juga lebih fleksibel, di mana ia dapat dilakukan pada waktu luar kelas mengikut kesesuaian waktu pelajar dan di tempat yang selesa (Arshad et.al., 2019). Rajah 7 pula adalah salah satu contoh *setting* yang boleh ditetapkan oleh pensyarah mengikut kreativiti masing-masing di halaman *Moodle* subjeknya.




Rajah 7: Penilaian berterusan melalui Moodle

5.4 Aktiviti atas talian (online)

PdP tahfiz turut menggunakan beberapa aplikasi atas talian dalam usaha menarik minat pelajar menerusi bahan kursus yang pelbagai. Antaranya aktiviti atas talian yang dapat menarik minat pelajar dengan penggunaan *Kahoot, Padlet, Coggle, Mentimeter* dan *Plickers*.


a. *Kahoot* adalah platform pembelajaran berasaskan permainan, yang boleh digunakan sebagai teknologi pendidikan di sekolah dan institusi pendidikan tinggi. Permainan pembelajaran berbentuk kuiz secara objektif ini dapat diakses melalui laman sesawang atau aplikasi *Kahoot* (Md. Ibrahim & Ariffin, 2018). Pensyarah boleh melakukan permainan bersama pelajar sama ada di permulaan kelas, pertengahan kelas atau di akhir kelas untuk menguji pelajar secara spontan. Menurut Md. Ibrahim & Ariffin (2018), aplikasi *Kahoot* ini mempunyai ciri-ciri permainan seperti skor, ganjaran dan interaksi mewujudkan sebuah pembelajaran yang aktif dan lebih menyeronokkan. Tambahan pula, aplikasi *Kahoot* ini mempunyai dua jenis mod kuiz yang boleh dipilih oleh pelajar sama ada untuk bermain menggunakan mod klasik (persaingan antara individu) atau mod berkumpulan (persaingan antara pasukan). Setiap jawapan yang dijawab dengan betul akan diberikan markah dan diakhir permainan, markah dan pemain terbaik akan dipaparkan. Rajah 8 adalah contoh gambar penggunaan *Kahoot* yang pernah digunakan semasa PdP subjek-subjek tahfiz di UNITEN



Rajah 8: Aplikasi Atas Talian (*Kahoot*)


b. *Padlet* adalah alat dalam talian yang berfungsi sebagai papan kenyataan dalam talian (online notice board). Di dalam *Padlet* Instruction Manual, (<https://www.pdst.ie>) menjelaskan bahawa *Padlet* boleh digunakan oleh pelajar dan guru sebagai salah satu alat inovasi digital untuk menghantar nota di halaman umum. Catatan yang dihantar oleh guru dan pelajar boleh mengandungi pautan video, gambar dan dokumen. Pensyarah boleh menggunakan *Padlet* sebagai salah satu alat teknologi yang dapat menarik minat pelajar semasa kelas atau boleh dijadikan sebagai tugas selepas kelas di mana pelajar boleh meletakkan input, refleksi apa yang telah dipelajari di dalam kelas. Menurut Sulakah (2017) keistimewaan pembelajaran melalui *Padlet* ialah bahan pengajaran dan pembelajaran seperti teks, grafik, animasi, video dan pautan URL boleh disampaikan dan digunakan. Elemen-elemen tersebut sangat membantu murid dari segi pemahaman dan mengingat pelajaran dengan mudah. Walaupun penggunaan *Padlet* ini adalah percuma, namun ia agak terhad.

Justeru, UNITEN mengambil inisiatif melanggan *Padlet* agar ia dapat digunakan secara meluas dan tanpa had oleh pensyarah. Rajah 9 merupakan salah satu contoh penggunaan *Padlet* melalui subjek yang diajar di dalam program Tahfiz UNITEN.




Rajah 9: Aplikasi Atas Talian (*Padlet*)

c. *Coggle* adalah alat dalam talian untuk membuat dan berkongsi peta minda. Alat ini bertujuan untuk membantu pelajar mencatat, mencetuskan idea, menggambarkan hubungan merentasi konsep, dan bekerjasama dengan yang lain. Penggunaan inovasi digital melalui aplikasi *Coggle* ini akan menjadikan PdP lebih kreatif dan interaktif kerana ia berbentuk peta minda. *Coggle* ini boleh dikongsi di Moodle yang boleh dijadikan rujukan pelajar (Idris & Noor, 2018). Menurut Idris dan Noor (2018) menyebut penggunaan alat berfikir (*Thinking Tools*) sebagai kaedah terancang dalam PdPc dapat membuka ruang untuk murid berfikir secara mencabar dan luas dengan selitan pelbagai perspektif dalam pandangan mereka. *Coggle* dilihat sebagai salah satu daripada aplikasi inovasi digital berbentuk '*thinking tools*' yang boleh diakses melalui laman web <https://Coggle.it/>. Peta Minda digital ini boleh dijadikan satu platform untuk murid berkolaborasi dalam membangunkan idea dan menyelesaikan masalah sama ada di dalam dan luar bilik darjah. Sehubungan dengan itu maka peta minda digital (*Coggle*) dilihat sebagai bahan bantu mengajar yang relevan untuk memperbaiki kaedah pembelajaran yang konvensional bagi menggalakkan pemikiran yang kritis. Rajah 10 menunjukkan penggunaan *Coggle* di dalam subjek program Tahfiz UNITEN.




Rajah 10: Aplikasi Atas Talian (*Coggle*)

d. *Mentimeter* adalah perisian yang menarik, interaktif dan ia mudah digunakan. Melalui inovasi digital menggunakan aplikasi *Mentimeter*, pensyarah boleh membuat pembentangan di dalam kelas lebih menyeronokkan dan interaktif. Aplikasi ini boleh membantu menjadikan PdP, pembentangan, kuliah, dan bengkel lebih kreatif dan inovatif (Noor Muhammad, 2019). Noor Muhammad (2019) menyatakan bahawa implikasi *Mentimeter* membuatkan pelajar sangat menggemari aplikasi ini dan memudahkan pemahaman ringkas mereka terhadap subjek yang diutarakan. Hal ini kerana aplikasi *Mentimeter* dapat memberi pendapat dan pandangan secara lisan dan juga kaedah terbaik untuk memantapkan kemahiran komunikasi. Di samping itu, pelajar juga bebas mengutarakan pendapat kerana ia mempunyai ciri "*anonymous*". Pensyarah perlu kreatif menanyakan soalan survei dan ia boleh digunakan sama ada di awal permulaan kelas, semasa atau sebelum kelas berakhir. Rajah 11 adalah contoh penggunaan *Mentimeter* di dalam PdP program Tahfiz.




Rajah 11: Aplikasi Atas Talian (*Mentimeter*)

e. Aplikasi inovasi digital yang terakhir yang pernah digunakan di dalam kelas subjek pengajian Islam program tahfiz UNITEN adalah *Plickers*. *Plickers* adalah sejenis aktiviti menggunakan kad yang boleh didapati secara percuma di laman sesawang *Plickers* (Alias, 2019). Ia akan menjadikan pelajar lebih aktif dan berinteraktif semasa di dalam kelas. Pensyarah boleh memuat turun kad *Plickers* secara percuma di laman sesawang *Plickers* dan mencetak kad tersebut lalu diberikan kad ini kepada pelajar semasa hendak melakukan aktiviti permainan di dalam kelas. Menurut Alias (2019), soalan dipaparkan melalui web *Plickers.com* dan pelajar akan menunjukkan jawapan mereka menerusi kad QR masing-masing yang mempunyai kod yang berlainan setiap seorang. Kad tersebut akan diberikan kepada setiap pelajar sebelum memulakan kelas. Penggunaan aplikasi ini merupakan satu cara untuk menilai sesuatu soalan pelbagai pilihan dalam suasana kolaboratif yang amat berkesan. Rajah 12 adalah contoh kad *Plickers* yang diambil dari *website google*. Manakala Gambar 2 pula merupakan contoh gambar penggunaan aplikasi *Powtoon* hasil dari tugas kerja berkumpulan pelajar DCMT UNITEN.



Rajah 12: Contoh gambar kad *Plickers* digunakan



Gambar 2: Contoh gambar pelajar membenteng hasil kerja menggunakan aplikasi *Powtoon*

6. Kesimpulan

Inovasi digital dapat mencetuskan pembaharuan di dalam PdP bukan sahaja di peringkat sekolah, malahan ia boleh digunakan juga di institusi pengajian tinggi. Kepelbagaian dan perubahan ini dapat membentuk generasi akan datang lebih kreatif, inovatif dan berkualiti seiring dengan proses globalisasi yang ada melalui teknologi masa kini. Penggunaan teknologi ini tidak dapat dinafikan akan keperluannya dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar dapat berdaya saing dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa.

Melalui kepelbagaian inovasi digital dan inisiatif yang ditawarkan TLC UNITEN, penambahbaikan terhadap proses PdP Tahfiz tidak hanya tertumpu kepada BL, malahan aktiviti berteraskan PBL, *flipped teaching* dan *active learning* dapat diterapkan. Inovasi digital dalam PdP tahfiz di UNITEN melalui metode BL masih lagi baru dan memerlukan penambahbaikan bagi memastikan ianya menepati tahap pengajaran dan pembelajaran masa kini di samping mengekalkan sistem pembelajaran tradisional yang merupakan teras utama

pengajian Tahfiz, begitu juga pengajian Islam. Konsep pembelajaran secara BL ini dapat melahirkan pelajar yang aktif, kreatif, inovatif dan berdaya saing di samping mempertingkatkan kualiti PdP pensyarah yang mengajar subjek-subjek tersebut dalam program tahfiz UNITEN. Masih terdapat banyak lagi aplikasi inovasi digital yang boleh diteroka untuk menambah baik PdP sedia ada. Usaha ini dapat membentuk PdP pengajian tahfiz menjadi lebih efektif dan menarik di samping sesuai dengan perkembangan dan kehendak pembelajaran semasa.

Rujukan

- Abd Hamid, M. H., & Ishak, H. (2019). Professional Huffaz at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): an introductory. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 13(1), 14-21. Retrieved from <https://www.al-qanatir.com/index.php/aq/article/view/179>.
- Abd. Rahim, M. M. (2008). *Pengajaran mata pelajaran Hafazan Al-Quran: suatu kajian Maahad Tahfiz Al-Quran Zon Tengah*. Tanjung Malim: Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UPSI.
- Ahmad Hilmi, A. B. Zakaria, Z. & Spawi, M. (2017). Pembinaan modul pendidikan al-Quran untuk pelajar pintar berbakat: model permata insan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 194-207. Retrieved from <http://gbse.com.my/v1no1jan17/Paper-18-BM-.pdf>.
- Alias, H. (2019). Keberkesanan penggunaan aplikasi 'Plickers' dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Universiti Sultan Azlan Shah. *Al-Qimah Al-Mudhafah: The Journal of Management and Science (ALQIMAH)*, 5(1). Retrieved from <http://alqimah.usas.edu.my/images/vol5-issue1/Keberkesanan-Penggunaan-Aplikasi-Plickers-Dalam-Pembelajaran-dan-Pengajaran-Bahasa-Arab-di-Universiti-Sultan-Azlan-Shah.pdf>.
- Arshad, A. Mohamad Shokri, S. S. & Salihan, S. (2019). Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz di Universiti Tenaga Nasional: tinjauan awal. *e-Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajian Asasi dan Umum (PERSePADU 2019) 'Transformasi Pendidikan dan Kesihatan Sejahtera: Isu dan Cabaran'*. Universiti Selangor (UNISEL).
- Hashim, Y. (1995). Penggunaan teknologi dalam inovasi pendidikan. *Pendidik dan Pendidikan*. Jld. 13, 1994/95. Retrieved from http://apjee.usm.my/JPP_13_1994/Jilid%2013%20Artikel%2007.pdf.
- Hashim, Y. (2012). Penggunaan e-Pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG)*, 2012.
- Hussin, S. Mahad Musa, Z. Abdullah, M. N. Alias, F. Hashim, H. & Yusof, N. (2018). Penggunaan E-Pembelajaran dalam pembelajaran dan pengajaran Fiqh Al-Ibadat wa al-Munakahat (LBI 1012): satu perkongsian. Dlm. Z. M. Musa, D. I. Supaat & A. Z. Salleh (Pnyt.). *Isu-isu Kontemporari Syariah dan Undang-undang*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, USIM.
- Hussin, Z., Siraj, S., Darusalam, G., & Salleh, N. H. M. (2017). Kajian model blended learning dalam jurnal terpilih: satu analisa kandungan. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1-6. Retrieved from <https://juku.um.edu.my/article/view/8142>.
- Idris, N., & Noor, N. M. (2018). Kesan penggunaan peta minda digital terhadap pencapaian dan minat murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. *Innovative Teaching and Learning Journal (ITLJ)*, 2(2), 89-96. Retrieved from <https://itlj.utm.my/index.php/itlj/article/view/24>.
- Jatiningtias, N. H. (2017). *Pengembangan media pembelajaran Powtoon untuk meningkatkan hasil belajar siswa mata pelajaran IPS Materi Penyimpangan Sosial di SMP Negeri 15 Semarang*. (Sarjana Pendidikan), Universitas Negeri Semarang.
- Jazmi, K. A. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Temenggong, Johor.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Kreatif dan inovatif: elemen merentas kurikulum dalam KSSR*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Laborda, J. G. (2014). Essentials for blended learning. *British Journal of Educational Technology*. 45(4). http://dx.doi.org/10.1111/bjet.12177_5.
- Md. Ibrahim, L. F & Ariffin, A. H. (2018). *Aplikasi Kahoot sebagai alat pengajaran terhadap pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Yusof, M. N. & Tahir, Z. (2017). Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-10. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22483>.
- Mokhtar, R. (2020). *Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tahfiz*. Bangi. Temubual Kolej Ekonomi Tenaga dan Sains Sosial, Universiti Tenaga Nasional pada 2020.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

- Noor Muhammad, S. J. (2019). Pembelajaran fleksibel berasaskan Massive Open Online Course (MOOC) suatu transformasi dalam pengajian manuskrip Melayu. *International Journal of Malay World and Civilisation*, 7(3), 63-73. <https://doi.org/10.17576/jatma-2019-0703-07>.
- Salleh, H. & Abdul Manaf, M. (2017). Pengintegrasian pembelajaran teradun dalam pembelajaran berasaskan kerja (*Work Based Learning*). *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, 1(1) Special Issue – NaCoSC'17, 16-23. Retrieved from <https://docplayer.info/171717607-Pengintegrasian-pembelajaran-teradun-dalam-pembelajaran-berasaskan-kerja-work-based-learning.html>.
- Salleh, S., & Embong, R. (2017). Educational views of Ibnu Sina. *Al-Irsyad: Journal of Islamic And Contemporary Issues*, 2(1), 13-24. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/23>.
- Shaharom, M. S. N. (2013). *Pembangunan persekitaran pembelajaran E-Kolaboratif untuk pelajar separuh masa*. (Tesis Doktor Falsafah, tidak diterbitkan), Universiti Malaya.
- Sulakah, S. M. (2017). *Aplikasi Padlet dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS)*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Teaching & Learning (TLC). (2020). *Blended learning handbook for UNITEN's lecturer*. Selangor: Universiti Tenaga Nasional.
- Teaching & Learning Centre. (2017). *Blended learning guidelines*. Universiti Tenaga Nasional. June, 2017.
- Teaching & Learning Centre. (2019). Ed-Communique: teaching and learning centre. *TLC's Monthly Bulletin*. Vol. 6, July 2019.
- Teaching & Learning Centre. (2020). *Lecturer's guide to virtual learning*. Universiti Tenaga Nasional. Version 1.0, July 2020.